

SIARAN MEDIA

KUSKOP DAN AGENSI SEDIA BANTU USAHAWAN TERJEJAS INSIDEN KEBAKARAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS

PUTRAJAYA, 4 April - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensi dibawahnya mengambil inisiatif bagi membantu usahawan yang terkesan berikutan insiden kebakaran paip gas di Putra Heights baru-baru ini. Inisiatif ini bertujuan meringankan beban yang dihadapi oleh usahawan berikutan berdepan dengan cabaran seperti premis perniagaan terjejas, kerosakan stok barangan atau kediaman.

Antara kemudahan yang ditawarkan agensi KUSKOP iaitu TEKUN Nasional ialah pemberian moratorium hingga 6 bulan untuk memberikan kelonggaran kewangan kepada usahawan yang terkesan untuk membayar balik pembiayaan. Usahawan TEKUN terlibat juga boleh membuat penjadualan semula iaitu perbincangan untuk menyusun semula terma pembayaran pembiayaan agar usahawan dapat menguruskan kewangan dengan lebih baik dalam tempoh yang mencabar

Selain itu, usahawan yang terkesan dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan daripada akaun TEKUN Nasional dan turut ditawarkan ialah bantuan *overlapping* bagi suntikan modal atau pembiayaan tambahan untuk membantu menampung kos pemulihan perniagaan atau keperluan segera selepas insiden kebakaran ini.

Bank Rakyat pula menawarkan bantuan khas moratorium bagi bayaran ansuran bulanan kepada pelanggan individu dan perniagaan untuk tempoh sehingga 6 bulan sepanjang tempoh pembiayaan. Antara produk yang ditawarkan menerusi kemudahan ini adalah Pembiayaan Perumahan-i, Pembiayaan Kenderaan-i, Sewa Beli Kenderaan-i, Pembiayaan Peribadi-i, Kad Kredit-i, Pembiayaan Pajak Gadai-i, Pembiayaan Mikro-i serta Pembiayaan Pendidikan-i.

Pelanggan yang layak boleh memohon bantuan ini meskipun telah menerima bantuan moratorium sebelum ini. Di samping itu, Bank Rakyat turut menawarkan penggantian Kad Debit-i dan Kad Kredit-i tanpa sebarang bayaran kepada pelanggan yang terjejas.

Bagi membantu usahawannya yang terjejas, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), menawarkan penangguhan bayaran balik pinjaman sehingga 6 bulan yang melibatkan jumlah sebanyak RM200,000.00. Manakala, menerusi Tabung Kesejahteraan dan Manfaat Sahabat (TKKS) dan Koopcare Koperasi Sahabat juga menyediakan bantuan tunai maksimum RM5,500.00.

Selain itu, menerusi TKKS juga, Usahawan AIM yang mengalami perniagaan musnah akan menerima bantuan tunai sehingga maksimum RM4,000.00 dan usahawan yang menerima rawatan di hospital akan menerima bantuan sebanyak RM500.00 sehari.

Selain itu, atas dasar keprihatinan agensi KUSKOP seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) turut menyumbangkan bantuan kepada mangsa yang terlibat menerusi edaran lampin pakai buang dewasa dan susu tepung untuk kanak-kanak dengan nilai sumbangan sebanyak RM 5,000.00

Usahawan dan koperasi yang terjejas berikutan insiden kebakaran paip gas di Putra Heights ini digalakkan untuk menghubungi pejabat cawangan agensi–agensi di bawah KUSKOP berhampiran bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai inisiatif yang ditawarkan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

4 APRIL 2025

PERHUBUNGAN MEDIA:

Puan Hartini binti Hashim

Ketua Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Emel : hartini.hashim@kuskop.gov.my No. Telefon: 012-930 7504